




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


Polisi LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA





Polisi
**LARANGAN MEMBUAT
PERNYATAAN
AWAM**
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Perutusan
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius berhubung kecenderungan warga KKM membuat pernyataan awam sama ada untuk tujuan rasmi atau peribadi yang tidak mengikut peraturan dan tata etika yang telah ditetapkan. Pernyataan yang dibuat tanpa usul periksa bukan sahaja menjelaskan imej sebagai penjawat awam, malah boleh menyebabkan kekeliruan dan kegelisahan dalam masyarakat seterusnya menjelaskan kredibiliti penyampaian perkhidmatan di KKM.



Peraturan berkaitan larangan membuat pernyataan awam serta etika penggunaan media sosial yang diwujudkan bukanlah bertujuan menghalang warga KKM untuk bersuara. Malahan, bagi memastikan warga KKM dapat mengutarakan sebarang aduan, pandangan atau cadangan penambahaikan dengan menggunakan saluran rasmi yang telah disediakan, supaya setiap aduan, pandangan atau cadangan penambahaikan yang diutarakan tersebut dapat diuruskan dengan lebih berkesan.

Sehubungan dengan itu, pihak KKM membangunkan **Polisi Larangan Membuat Pernyataan Awam** ini dengan hasrat supaya warga KKM lebih beretika semasa membuat apa-apa pernyataan awam sama ada secara lisan, bertulis atau apa-apa cara.

Harapan saya agar warga KKM sentiasa berintegriti dan berhemah dalam membuat pernyataan awam bagi menjaga imej Kementerian.

Sekian, terima kasih.

DATO' MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH
OKTOBER 2021



PASUKAN EDITORIAL

Penasihat:

Dato' Wan Ramli bin Wan Abdullah

Editor:

Puan Asmida binti Md Saad

Pereka:

Puan Nor Shafura binti Mohd Hassan



ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN	1
TUJUAN	1
TAKRIFAN	2
PERNYATAAN DASAR	4
LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM	4
PEMATUHAN	5
PERANAN KETUA JABATAN/PENYELIA	6
PERTANYAAN DAN PELAPORAN	7
PENUTUP	7
RUJUKAN	8
PENGHARGAAN	11



PENDAHULUAN

Perkembangan penggunaan internet dan media sosial telah mengubah gaya komunikasi dan penyampaian maklumat termasuklah agensi Sektor Awam. Kemudahan akses internet membuka peluang kepada penggunaan media sosial yang meluas di mana ia dapat dicapai di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sama ada menggunakan alat komunikasi mudah alih atau telefon pintar.

Kesannya, warga KKM didapati lebih aktif membuat pernyataan awam menggunakan media sosial terutamanya dalam memberi pandangan yang menyentuh dasar Kerajaan. Justeru, perkara ini boleh menimbulkan kekeliruan sekiranya pernyataan yang dibuat itu bercanggah dengan dasar dan peraturan yang berkuat kuasa.

TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan sebagai sumber rujukan kepada warga KKM berhubung larangan membuat pernyataan awam.

TAKRIFAN

Pernyataan Awam

Apa-apa pernyataan atau ulasan yang dibuat kepada pihak akhbar atau orang ramai atau semasa memberikan apa-apa syarahan atau ucapan awam atau dalam apa-apa penyiaran atau penerbitan tanpa mengambil kira caranya.

Media Sosial

Sejenis saluran komunikasi dalam talian yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan mudah secara bebas, berkongsi dan membincangkan maklumat dengan menggunakan gabungan elemen-elemen multimedia yang terdiri daripada teks, gambar, video dan audio.



Warga KKM

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KKM sama ada melalui lantikan tetap, sementara, pinjaman, kontrak (*of service for service*) atau sambilan, termasuk lantikan politik, *Personel Short-Term Employment Program* (MySTEP), protégé, pelatih (pra perkhidmatan), sukarelawan berdaftar di bawah KKM dan tenaga kerja sessional.

Ketua Jabatan

Seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan, institusi, agensi atau unit dan termasuklah mana-mana pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Profesional yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi kementerian, jabatan, institusi, agensi atau unit untuk bertindak bagi pihaknya.

Penyelia

Seseorang pegawai yang bertanggungjawab ke atas pegawai bawahannya. Pegawai Penyelia mestilah mempunyai hubungan taraf tinggi rendah dalam satu susunan kuasa (*span of control*) di mana jawatan yang lebih tinggi itu bertanggungjawab secara langsung menyelia jawatan yang lebih rendah.

PERNYATAAN DASAR

Warga KKM **dilarang** untuk membuat apa-apa pernyataan awam sama ada berbentuk lisan, bertulis atau apa-apa cara lain.

LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

Selaras dengan Peraturan 19(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993], seseorang pegawai awam **tidak boleh**, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain -

- a. membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;
- b. membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama Kerajaan;
- c. membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau
- d. mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

Peraturan 19(2), menyatakan bahawa seseorang pegawai **tidak boleh**, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain –

- a. membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan;
- b. memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung perjalanan fungsi Kerajaan;
- c. memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan; atau
- d. menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.



PEMATUHAN

- Kegagalan atau keengganan warga KKM mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah P.U.(A) 395/1993.



PERANAN KETUA JABATAN/PENYELIA

Ketua Jabatan/Penyelia hendaklah memantau dan memastikan pegawai/kakitangan di bawah seliaannya mematuhi Polisi ini selaras dengan Peraturan 3C.(1) P.U.(A) 395/1993 yang jelas menyatakan bahawa:

“Maka menjadi tugas tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.”

Peraturan 3C.(2) P.U.(A) 395/1993 juga menyatakan bahawa:

“Seseorang pegawai yang gagal untuk menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas pegawai bawahannya, atau untuk mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.”

PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. Putrajaya
(u.p.: Ketua Unit Integriti)

Telefon : 03-8892 4991
E-mel : integriti@moh.gov.my

PENUTUP

Polisi Larangan Membuat Pernyataan Awam KKM ini hendaklah dijadikan sebagai panduan kepada warga KKM untuk lebih beretika dan berintegriti dalam memberikan sebarang pandangan rasmi atau peribadi di mana-mana platform media sosial. Ini membolehkan KKM menjadi peneraju dalam perkhidmatan awam di samping memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada masyarakat.

RUJUKAN

1. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
2. Surat Edaran Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 22 Jun 2021 – Peringatan Mengenai Larangan Membuat Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Surat Edaran Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 22 Februari 2021 – Larangan Membuat Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia
4. Surat Edaran Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 6 Januari 2020 – Peringatan Terhadap Larangan Membuat Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam
5. Surat Edaran Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 26 November 2019 – Larangan Membuat Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam
6. Surat Edaran Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) bertarikh 11 September 2019 – Larangan Membuat Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam



7. Surat Edaran Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2017 bertarikh 26 Januari 2017 – Tanggungjawab Penjawat Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia Semasa Menggunakan Media Sosial
8. Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 15 Julai 2016 Larangan Membuat Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam
9. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 10/2016 bertarikh 31 Mac 2016 – Garis Panduan Penggunaan Media Sosial Dalam Perkhidmatan Penjagaan Pesakit di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia
10. Surat Edaran Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016 bertarikh 1 November 2016 – Peringatan Tindakan ke Atas Penjawat Awam Yang Mendedahkan Maklumat Terperingkat Kerajaan
11. Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 28 Januari 2015 – Tindakan Ke Atas Penjawat Awam Yang Mendedahkan/Membocorkan Maklumat Terperingkat Kerajaan
12. Surat Edaran Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2014 bertarikh 18 Februari 2014 – Membuat Pernyataan Awam

13. Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 7 Jun 2013 – Tanggungjawab Pegawai Awam Dalam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial di Internet
14. Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2010 bertarikh 1 Oktober 2010 – Tindakan Tatatertib Terhadap Penjawat Awam Yang Membuat Kenyataan Menyentuh Sensitiviti Kaum dan Agama
15. Surat Edaran Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 19 November 2019 – Penggunaan Media Jaringan Sosial di Sektor Awam
16. Surat Edaran Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 17 Julai 2009 – Garis Panduan Pelaksanaan Blog Bagi Agensi Sektor Awam
17. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003 bertarikh 28 November 2003 – Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-Agenzi Kerajaan
18. Buku Tata Etika Penggunaan Media Sosial Oleh Warga Kementerian Kesihatan Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2016
19. Buku Penerapan Etika Penggunaan Media Sosial Dalam Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU

PENGHARGAAN

Sekalung ucapan terima kasih dan tahniah dirakamkan kepada Jawatankuasa Pembangunan Polisi Larangan Membuat Pernyataan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia atas sumbangan idea dan cetusan minda seperti berikut:

Dato' Wan Ramli bin Wan Abdullah
Timbalan Pesuruhjaya

Puan Norizah binti Mansor
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Cik Aida Rahila binti Rusbahini
Ketua Penolong Setiausaha

Cik Azeerahah binti Mat Jusoh @ Yusoff
Ketua Penolong Setiausaha

Encik Mohammad Zawawi bin Hussin
Penolong Pesuruhjaya

Puan Asmida binti Md Saad
Penolong Setiausaha Kanan

Puan Nurulain binti Mohd Taib
Penolong Setiausaha

Puan Nor Shafura binti Mohd Hassan
Pembantu Tadbir

Penghargaan juga dirakamkan kepada semua warga Unit Integriti yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan Polisi ini.



UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
ARAS 5, BLOK E3, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62590 W.P. PUTRAJAYA

✉ : integriti@moh.gov.my
🌐 : Unit Integriti KKM

